

B B349 AAB  
MAHATHIR-PBS R'R'R'

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENYIFATKAN KEPUTUSAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) KELUAR DARI BARISAN NASIONAL (BN) SEBAGAI SATU PERBUATAN +MENIKAM DARI BELAKANG+ DAN SENGAJA DIRANCANG MENJELANG PILIHAN RAYA UMUM.

KATANYA, WALAUPUN BELIAU TELAH MENJANGKAKAN TINDAKAN PARTI ITU, TETAPI TIDAK MENJANGKA IA DIBUAT WAKTU INI.

+KALAU SAYA KATA SAYA TIDAK MENJANGKA LEBIH AWAL ADALAH TIDAK BETUL TETAPI CUMA WAKTUNYA (TIMING) SAJA YANG BERBEZA+, KATANYA PADA SATU SIDANG AKHBAR SELEPAS MENGHADIRI MAJLIS PENUTUP MINGGU TELETON +JANTUNG HATIKU+ RTM DI SINI.

PERDANA MENTERI MENJANGKAKAN PBS AKAN MENGAMBIL TINDAKAN ITU DAN MENYERTAI SEMANGAT 46 SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM SEKIRANYA BN TIDAK MENCAPAI KEMENANGAN CEMERLANG.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA TINDAKAN PBS ITU TIDAK MENJEJASKAN SEMANGAT BN MENGHADAPI PILIHAN RAYA INI, SEBALIKNYA KESEMUA PARTI KOMPONEN AKAN LEBIH BERSEMANGAT DAN MENINGKATKAN USAHA MEMASTIKAN KEMENANGAN BN. -- LAGI

0032MST 16 10 90

U B355 AAB  
MAHATHIR - PBS .2 KUALA LUMPUR R'R'R'

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BELIAU MEMULANGKAN KEPADA RAKYAT SABAH UNTUK MEMIKIRKAN SECARA MENDALAM SEBELUM MENENTUKAN SOKONGAN MEREKA KEPADA PBS DENGAN TINDAKANNYA ITU PADA PILIHANRAYA INI.

BELIAU JUGA MENYERAHKAN KEPADA RAKYAT SEMENANJUNG SAMA ADA UNTUK MENGIKTIRAI PBS SEBAGAI PEMBENTUK DASAR NEGARA MELALUI TINDAKANNYA INI.

+TERPULANGLAH KEPADA RAKYAT SAMA ADA MEREKA HENDAK MENJADI SUARA YANG TIDAK BERKESAN KERANA BERPECAHBELAH DAN MENYERAHKAN KEPADA PBS MENENTUKAN DASAR TERMASUK DI SEMANANJUNG+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU YAKIN TINDAKAN PBS ITU ADALAH HASIL PAKATAN DENGAN PARTI PEMBANGKANG KERANA SEBELUM INI PRESIDEN SEMANGAT 46 TENGKU RAZALEIGH HAMZAH SENDIRI PERNAH BERKATA SABAH DAN SARAWAK ADALAH +KING MAKERS+.

+KITA AKAN LIHAT KEMEWAHAN KEPADA PARTI PEMBANGKANG SELEPAS KEPUTUSAN PBS INI+, KATANYA. -- LAGI

0058MST 16 10 90

0025

U B356 AAB

MAHATHIR - PBS 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

SEMASA DITANYA SAMA ADA PERBUATAN PBS INI SEBAGAI TINDAKAN +MEMERASUGUT+ (BLACKMAIL), PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK MENYIFATKAN TINDAKAN ITU SENDIRI SEBAGAI PERASUGUT.

KATANYA, YANG DISIFATKAN SEBAGAI PERASUGUT IALAH DESAKAN DATUK SERI PAIRIN KITINGAN SUPAYA KERAJAAN PUSAT MEMBERI JAMINAN MEMENUHI SEMUA PERMINTAANNYA MENJELANG PILIHANRAYA.

TEKANAN SENGAJA DILAKUKAN PADA WAKTU PILIHANRAYA INI, KATANYA. DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TINDAKAN PBS ITU MENYUKARKAN SEDIKIT USAHA BN UNTUK MENDAPATKAN KEMENANGAN DUA PERTIGA TETAPI TIDAK SUKAR UNTUK MEMBENTUK KERAJAAN.

KATANYA, PALING BANYAKPUN PEMBANGKANG BOLEH MENANG IALAH KESEMUA 20 KERUSI DI SABAH KERANA BELIAU PERCAYA PBS SENGAJA MELETAKKAN ENAM CALON BEBAS DI KAWASAN YANG DITANDINGI OLEH USNO. -- LAGI  
0100MST 16 10 90

0032

U B359 AAB

MAHATHIR - PBS 4 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI YAKIN CALON BEBAS DI ENAM KAWASAN ITU TERDIRI DARIPADA CALON PBS SENDIRI, UNTUK MENENTUKAN KEKALAHAN USNO DAN SATU KERUSI UMNO DI LABUAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, BN MASIH LAGI BOLEH MENANG DI 160 KERUSI LAIN DI SEMENANJUNG DAN SARAWAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA TINDAKAN PBS ITU TIDAK MENJEJASKAN KESTABILAN NEGARA TETAPI SEDIKIT SEBANYAK, IA MEMBERI KESAN KEPADA USAHA INTEGRASI NASIONAL.

BELIAU YAKIN RAKYAT SABAH SENDIRI TELAH DIRACUNI OLEH PBS UNTUK MEMBENCI KERAJAAN PUSAT DAN MENAMBAHKATA BELIAU YAKIN KEBANYAKAN DARIPADA MEREKA MENYOKONG PARTI ITU.

DITANYA SAMA ADA KERAJAAN SABAH BOLEH BERTINDAK KELUAR DARI MALAYSIA SELEPAS INI, PERDANA MENTERI BERKATA MENURUT PERLEMBAGAAN PERKARA ITU TIDAK BOLEH DILAKUKAN. -- BERNAMA  
0112MST 16 10 90